



IBU PEJABAT,
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT
MALAYSIA,
LEBUH WAWASAN, PRESINT 7,
62250 PUTRAJAYA.

Telefon :603-88880036
Faks :603-88880025
Portal Rasmi :www.bomba.gov.my
E-mail :bkkjbpm@bomba.gov.my



Ruj Kami : JBPM/IP/BKK:700-1/1/1Jld.2(42)
Tarikh : 01 Februari 2018

Timbalan-timbalan Ketua Pengarah
Semua Penolong Ketua Pengarah / Pengarah
Pengarah Negeri
Semua Komandan
Semua Ketua Balai

PERINTAH TETAP KETUA PENGARAH BILANGAN 1 TAHUN 2018

GARISPANDUAN KEPERLUAN KESELAMATAN KEBAKARAN BERDASARKAN KEPADA *RISK BASED INSPECTION (RBI)* UNTUK WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

1. TUJUAN

- 1.1 Garispanduan ini bertujuan untuk menjelaskan dasar Jabatan berkaitan proses pengemukaan pelan arkitektural dan pelan mekanikal & elektrik berdasarkan kepada *RBI*.
- 1.2 Menerangkan turutan proses bermula pemajuan projek sehinggalah pengeluaran Sijil Penyiapan dan Pematuhan Siap (CCC).

- 1.3 Menjelaskan peranan pegawai Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) yang memproses pemajuan projek berdasarkan kepada *RBI*.
- 1.4 Menjelaskan kategori bangunan berdasarkan kepada *RBI* yang tidak memerlukan pemeriksaan fizikal.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Buat masa kini *RBI* hanya dilaksanakan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan akan dilaksanakan secara berperingkat keseluruh negara. *RBI* ialah mengkategorikan projek berdasarkan kepada tahap risiko keselamatan kebakaran sesuatu projek. Ini bermaksud JBPM tidak akan melaksanakan pemeriksaan fizikal ke atas bangunan di bawah kategori *RBI*. Namun begitu, pelan arkitektural dan mekanikal & elektrik masih diproses seperti biasa.
- 2.2 Secara amnya *RBI* bertujuan untuk mengurangkan kebergantungan kepada pihak berkuasa dan memberi lebih ruang kepada pihak prinsipal submitting person (PSP)/submitting person (SP) untuk menentukan pematuhan kepada aspek keselamatan kebakaran.
- 2.3 Untuk tujuan pelaksanaan, semua peraturan berkaitan kemudahan keselamatan kebakaran hendaklah disalurkan kepada pihak PSP/SP bagi memudahkan dan mempercepatkan proses sesuatu pembangunan.
- 2.4 Namun begitu, JBPM boleh melaksanakan kawalan pematuhan dibawah aktiviti Penghapusan Bahaya Kebakaran (MBK) berdasarkan kepada peruntukan Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341).

3. PERATURAN DAN PERUNTUKAN BERKAITAN

3.1 RBI adalah berdasarkan kepada peraturan dan peruntukan dibawah Jadual Kesepuluh, Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (UBBL) 1984 dan UBBL 1984 Pindaan 2012. Berdasarkan kepada persetujuan oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN) dan JBPM adalah melibatkan projek berskala kecil seperti berikut:-

- i. Bangunan kilang, storan, gudang, pusat asuhan kanak-kanak dan *club house* yang keluasan tanah tidak melebihi 1 ekar.
- ii. Bangunan komuniti, dewan serbaguna, bangunan untuk kemudahan awam, rumah ibadat yang keluasan tanahnya tidak melebihi 1 ekar.
- iii. Stesen minyak yang keluasan tanahnya tidak melebihi 1 ekar.
- iv. Infill development (pembangunan ditengah bangunan sediaada) tidak melebihi 2 tingkat.

3.2 Semua pembangunan yang dinyatakan di perenggan 3.1 adalah berdasarkan kepada pembangunan sesebuah (stand alone building).

4 KETETAPAN JABATAN

4.1 Berdasarkan kepada RBI, Jabatan telah membuat ketetapan kategori bangunan projek berskala kecil (fast lane) seperti berikut:-

- i. Bangunan kediaman yang tidak melebihi ketinggian 18 meter
- ii. Dewan serbaguna jenis kelas C (tidak melebihi 300 orang).
- iii. Tadika / Taska tidak melebihi 2 tingkat.
- iv. Kedai 1 tingkat tidak melebihi 750 meter persegi.
- v. Kilang 1 tingkat tidak melebihi 750 meter persegi.
- vi. Rumah ibadat.
- vii. Rumah kelab jenis kelas C (tidak melebihi 300 orang).
- viii. Gudang 1 tingkat tidak melebihi 250 meter persegi.
- ix. Stesen minyak.
- x. Bangunan pejabat tidak melebihi 4 tingkat.
- xi. Asrama dan domitori 1 tingkat.
- xii. Hotel dengan rekabentuk lain kurang 10 bilik atau hotel dengan rekebentuk langkan terbuka 1 tingkat kurang daripada 20 bilik.
- xiii. Perpustakaan 1 tingkat yang kurang daripada 1000 meter persegi.


- 4.2 Semua pembangunan yang dinyatakan di perenggan 4.1 adalah berdasarkan pembangunan sesebuah (stand alone building) dan keluasan tanah tidak melebihi 1 ekar.

5. Tatacara Pemprosesan Pelan

Pemajuan pelan dan keperluan pemprosesan Pelan Arkitektural dan Mekanikal & Elektrikal (M&E) adalah seperti berikut:-

- i. JBPM menerima Pelan Arkitektural dan M&E dari pihak One Stop Centre (OSC) 1 Submission.
- ii. JBPM memproses dan memperakukan pelan berdasarkan kepada Arahan Perlaksanaan Kaedah Pusat Setempat dan Pengeluaran Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) Bil 1/2007 dan Pemprosesan Perakuan Pelan Teknikal dan Pemeriksaan Bagi Tujuan Pengeluaran Sokongan Sijil Kelayakan Menduduki Bangunan (CF) Bil 1/2003.
- iii. Menerima hasil pemeriksaan yang dilaksanakan oleh pihak PSP/SP berdasarkan kepada Senarai Semak Perakuan Pemeriksaan Bangunan seperti dilampiran 'A' dan Borang Perakuan Pematuhan Keperluan Keselamatan Kebakaran seperti di lampiran 'B'. Pengesahan penerimaan hendaklah dibuat oleh Ketua Zon/Penolong Pengarah Bahagian Keselamatan Kebakaran atau pegawai kanan yang dilantik.

Carta Aliran Proses Pengeluaran CCC Berdasarkan kepada *Risk Based Inspection*



6. PEMAKAIAN

Arahan ini terpakai untuk Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

7. TARIKH BERKUATKUASA

Arahan ini berkuatkuasa pada 1 Februari 2018.

8. PENUTUP

Perintah Tetap ini merupakan satu bentuk arahan kepada JBPM Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur berdasarkan kepada kaedah pelaksanaan RBI.

Sekian, terima kasih.



.....
(DATO' SRI. HAJI WAN MOHD NOR BIN HAJI IBRAHIM)

Ketua Pengarah,

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Tarikh :

Senarai Semak Perakuan Pemeriksaan Bangunan oleh *Prinsiple Submitting Person* dan *Submitting Person*

Tajuk Projek:

No Fail Rujukan JBPM:

Tarikh Pemeriksaan:

Nama & Alamat PSP/SP:

Dengan ini saya mengesahkan (sila tandakan berkaitan):

- Telah diadakan pili bomba jenis tiang pengeluaran dua hala dengan pengeluaran air sebanyak 1135-liter seminit bagi setiap pili bomba sepertimana yang ditandakan di dalam pelan.
- Pili bomba sediaada adalah berada dalam keadaan baik.
- Telah diadakan jalan akses perkakas bomba (access road) dengan kelebaran tidak kurang 6 meter yang boleh menanggung keberatan beban 25 tan sepertimana yang ditandakan di dalam pelan.
- Kecerunan jalan akses perkakas bomba adalah tidak kurang 1: 12.
- Ketinggian kelegaan adalah tidak kurang daripada 5 meter.
- Jarak antara bangunan adalah mematuhi Jadual Ke Enam UBBL 1984.
- Semua elemen struktur mempunyai tempoh ketahanan api mengikut UBBL 1984.
- Semua papan tanda keselamatan kebakaran adalah mematuhi M.S 982:1985

- Telah diadakan alat pemadam api yang bersesuaian menurut MS 1539: Part 1: 2002 sepertimana yang ditandakan di dalam pelan.
- Telah diadakan lampu tanda 'KELUAR' kecemasan yang menggunakan dua kuasa karan sepertimana yang ditandakan di dalam pelan. Lampu-lampu tersebut adalah dari jenis yang dibenarkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.
- Telah diadakan lampu kecemasan yang menggunakan dua kuasa karan sepertimana yang ditandakan di dalam pelan. Lampu-lampu tersebut adalah dari jenis yang dibenarkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.
- Penggunaan siling bangunan adalah menepati kehendak-kehendak U.B.B.L 1984 Jadual Kelapan.
- Semua tangga keselamatan adalah dikepung dengan tembok batu bata setebal 115mm atau tangga terbuka yang memenuhi kehendak-kehendak UUBL 1984 sepertimana yang ditandakan di dalam pelan.
- Telah diadakan pintu rintangan api satu jam sepertimana yang ditandakan di dalam pelan. Pemasangannya adalah tertutup sendiri dan tertutup rapat.
- Dinding bagi bilik setor yang disifatkan merbahaya hendaklah setebal 100mm batu-bata dan pintunya dari jenis rintangan api satu jam dipasang dengan 'door closer'.
- Dinding pemisah adalah dari jenis batu-bata setebal 200mm jenis yang menanggung beban dan 100mm yang tidak menanggung beban. Dinding ini dinaikkan 230 mm melebihi paras bumbung atau mematuhi rekabentuk yang dipersetujui oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.
- Telah diadakan pengadang api di dalam bahagian bumbung selari dengan 'trusses' dalam jarak 7.5 meter atau tiap-tiap 25 meter persegi.
- Telah diadakan dinding pembalik (deflector wall) sepanjang 450mm dan 115mm tebal sepertimana yang ditandakan di dalam pelan.
- Semua dinding pembahagi dalaman adalah dari jenis rintangan 1/2 jam dan dari jenis yang dibenarkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Dengan ini saya telah mematuhi semua keperluan kemudahan keselamatan kebakaran berdasarkan kepada Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 dan mana-mana piawaian yang diterimapakai.

Lain-lain kemudahan keselamatan kebakaran (sila nyatakan).....

.....

t.t
(Nama PSP/SP)
Cop Syarikat

BORANG PERAKUAN PEMATUHAN KEPERLUAN KESELAMATAN KEBAKARAN

Tajuk Projek:

Kami memperakui bahawa kami telah mengawasi dan/atau menjalankan pembinaan dan penyiapan kerja-kerja menentang kebakaran (pasif), pemeriksaan akhir dan bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaan kami kerja-kerja itu adalah mengikut pelan yang telah diperakukan nombor rujukan bomba dan bahawa kami menerima tanggungjawab sepenuhnya ke atas pembinaan dan penyiapan kerja-kerja menentang kebakaran (pasif) itu.

Nama (<i>Perseorangan</i>)	# No. Pendaftaran	Tandatangan
(a) Kontraktor _____	_____	_____
	(<i>Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan</i>)	(<i>Tarikh: </i>)
(b)**Orang utama _____	_____	_____
yang	(<i>*Lembaga Arkitek Malaysia/ Lembaga Jurutera Malaysia</i>)	(<i>Tarikh: </i>)
mengemukakan		

Salinan Pejabat;

Kami dengan ini mengesahkan menerima laporan Perakuan Pemeriksaan Bangunan oleh *Prinsiple Submitting Person* dan *Submitting Person* dan perakuan pematuhan keperluan kemudahan keselamatan kebakaran oleh *Prinsiple Submitting Person* dan *Submitting Person*.

Disemak oleh:

.....
(Tandatangan)
Nama

